



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**DRAF TEKS UCAPAN  
YAB DATO' SRI ROHANI ABD KARIM  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA & MASYARAKAT  
MALAYSIA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUP  
KEMBARA KEBAJIKAN 1MALAYSIA (KK1M)  
TAHUN 2018**

**31 MAC 2018 (SABTU)  
2.00 PETANG**

**DEWAN KG DATO GODAM PUSA  
BETONG, SARAWAK**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

YB Datuk Hajah Azizah Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun  
Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

YBhg. Dato' Suriani bt Dato' Ahmad Ketua Setiausaha, Kementerian  
Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

YBhg. Haji Mohd Fazari bin Mohd Salleh  
Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat

YBhg. Dif-dif Kenamaan, Ketua-ketua Jabatan, Pemimpin-pemimpin  
Masyarakat, Wakil-wakil Korporat, Penaja-penaja, para media, kumpulan  
sasar yang diraikan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati  
sekalian.

**(Salutasi akan dikemaskini setelah mendapat pengesahan kehadiran)**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Salam sejahtera,  
salam 1Malaysia Negaraku  
Salam Sehati Sejiwa  
Salam Tahun Memperkasa Wanita 2018.**

## PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran kita kehadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan izinNya, dapat kita bersama-sama dalam majlis yang penuh bermakna pada hari ini iaitu **Majlis Perasmian Penutup Kembara Kebajikan 1Malaysia Tahun 2018**. Majlis ini pada saya sangat besar maknanya, kerana program titik sentuhan atau "**touch point**" sebegini adalah program yang dibawa terus kepada rakyat dan ianya sangat dekat dalam menggambarkan hubungan akrab kerajaan dan rakyat yang kita inginkan.
2. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat khususnya kepada YBrs Tuan Hj Mohd Fazari bin Mohd Salleh, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat dan Tuan Haji Abang Shamsuddin bin Abang Seruji, Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak yang sudi mengundang dan memberi peluang kepada saya untuk berada dimajlis ini dan seterusnya **merasmikan Majlis Penutup Kembara Kebajikan 1Malaysia (KK1M) Tahun 2018 ini**. Tidak dilupakan juga kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan program ini. Sesungguhnya kerjasama pintar inilah yang kita harapkan daripada semua pihak seperti syarikat korporat, pertubuhan bukan kerajaan, orang perseorangan dan sebagainya.
3. Program seumpama ini dilaksanakan mengikut acuan **National Blue Ocean Strategy (NBOS)** kerana melibatkan pelbagai agensi kerajaan termasuklah agensi berkepentingan di peringkat kerajaan negeri dalam menyusun program dan aktiviti yang berkaitan dengan penyampaian perkhidmatan kerajaan berteraskan kepada elemen pembangunan masyarakat. Selain itu, penglibatan pihak swasta dan korporat juga amat penting dan sangat dialu-alukan selaras dengan peranan dan

**tanggungjawab sosial** yang perlu diperkasakan di semua peringkat. Syabas dan tahniah kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

4. Kembara Kebajikan 1Malaysia (KK1M) merupakan program dwi tahunan peringkat nasional yang telah bermula pada tahun 2014 dengan konsep "turun padang" dan mendekati rakyat di segenap pelosok kampung dan bandar. Saya percaya bahawa program ini menjadi asas kepada semua pemimpin di peringkat akar umbi dan tempatan untuk bersama-sama bertemu dengan semua lapisan masyarakat tanpa mengira kedudukan, agama dan bangsa untuk kita memberikan khidmat bakti kepada mereka. Ianya juga melangkaui segenap ruang lokaliti penduduk terutamanya di bandar dan luar bandar.

## **SENARIO NEGARA**

### **Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

5. Pelbagai program yang telah dilaksanakan sepanjang awal tahun dan sehingga ke hari ini, situasi ini mencerminkan bahawa negara kita Malaysia senang dan lapang, masyarakat majmuk hidup dalam suasana yang penuh harmoni, ekonomi dan politik negara kita stabil dan kukuh berbanding dengan negara-negara serantau yang lain. Saya percaya dengan hala tuju yang baru, kita akan terus maju dan mara ke hadapan dengan lebih cemerlang lagi, terutamanya dengan mengambil kira dan memanfaatkan perubahan dan perkembangan pesat pembangunan ekonomi, sosio budaya, politik dan teknologi dunia.

6. Pelbagai inisiatif yang berpaksikan kepada kebajikan dan untuk kebaikan rakyat telah diambil di antaranya Program Transformasi Kerajaan (GTP), Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Transformasi Nasional 50 (TN50), di mana satu visi nasional yang sangat strategik sebagai panduan untuk kita merancang proses dan gerak kerja selama tiga dekad bagi memeta

hala tuju negara di atas kanvas yang baru dalam mencapai di antara 20 Negara terbaik di dunia menjelang tahun 2050.

## **KEBAJIKAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA**

**Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

7. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat merupakan antara agensi utama yang melaksanakan amanah Kerajaan dalam menghulurkan bantuan kepada kumpulan sasar bagi melaksanakan kerja-kerja kebajikan. Justeru, **saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua agensi yang telah mengambil inisiatif mengadakan pelbagai program yang bersifat mensejahterakan rakyat keseluruhannya.** Penglibatan masyarakat bersama Kerajaan dalam program kebajikan amat penting dan perlu digalakkan sejajar dengan konsep "**Kebajikan Tanggungjawab Bersama**".

## **BANTUAN KEBAJIKAN OLEH KERAJAAN**

**Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

8. Kerajaan akan terus membela rakyat yang memerlukan selaras dengan slogan *Rakyat Didahulukan dan Pencapaian Diutamakan*. Justeru Kerajaan, melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah memperuntukkan sebanyak **RM1.5 bilion** bantuan tunai kepada rakyat dan daripada jumlah itu seramai 500,000 rakyat yang memerlukan bantuan telah mendapat manfaat dari 11 skim bantuan dengan jumlah memperuntukkan Bantuan Kewangan sebanyak **RM150,447,200.00 (Satu Ratus Lima Puluh Juta Empat Ratus Empat Puluh Tujuh Ribu Dua Ratus Ringgit)** yang memberi manfaat kepada **47,199** ribu orang penduduk Negeri Sarawak. Kita harus bersyukur dan terima kasih atas keprihatinan Kerajaan dalam membantu, membela nasib keluarga miskin serta mengambil berat aspek kebajikan kita di Sarawak.

9. Di samping itu, pelbagai lagi program dan aktiviti seperti penubuhan sebanyak **59 buah** Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), **149** Pusat Aktiviti Kanak-Kanak(**PAKK**), **549** Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (**PDK**) dan **45** buah **Klinik Nur Sejahtera** di bawah Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara(LPPKN). Perkhidmatan ini merupakan perkhidmatan komuniti yang bersifat pendampingan sosial yang membolehkan rakyat mendapat perkhidmatan secara terus daripada Kerajaan. Bagi menggerakkan aktiviti komuniti dalam pelbagai perkhidmatan kebajikan, seramai 14,453 orang Sukarelawan merangkumi 10,101 orang Sukarelawan Bencana, 2,402 orang Sukarelawan Home Help, 1,950 orang Sukarelawan *Volunteer to Institution* (V2i), 712 orang Sukarelawan *Psychological Support Team* (PST) dan 173,471 orang Sukarelawan PERWANI membantu kementerian dalam pelaksanaan pelbagai program bagi manfaat rakyat.

## **PERKHIDMATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

10. Jabatan Kebajikan Masyarakat juga telah melaksanakan pelbagai aktiviti kebajikan melalui pendekatan pendampingan sosial atau *outreach* seperti ‘Cari dan Bantu’, Khidmat Bantu di Rumah dan khidmat kesukarelawan dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat yang memerlukan bantuan dan sokongan. Program komuniti berimpak tinggi ini juga telah dilaksanakan dengan kerjasama NGO seperti Majlis Pusat Kebajikan Se Malaysia (MPKSM), USIAMAS, Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) dan Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah (MPMS). Sebanyak **RM22 juta** telah diperuntukkan untuk melaksanakan program Home Help sejak ianya diperkenalkan pada tahun 2013. Program ini telah digerakkan oleh seramai 2,402 petugas sukarelawan yang terus memberi manfaat kepada **8354 orang** terdiri daripada **6,414 warga emas** dan **1,740 OKU**.

11. Bersempena Kembara Kebajikan 1Malaysia ini, JKM turut menganjurkan **Program Intergenerasi Warga Emas dan kanak-kanak**, yang merupakan satu medium memberi kesedaran kepada orang muda dan warga emas mengenai keperluan menjalankan aktiviti secara bersama dan seterusnya memperkasakan PAWE sebagai pusat aktiviti setempat yang memberi manfaat. Program ini adalah selaras dengan Inisiatif *Blue Ocean Strategy* yang ke 3 iaitu Perkhidmatan ***Beautiful Life For Seniors*** dari segi memperkasakan aktiviti kesukarelawanan.

12. Untuk makluman hadirin sekalian, Malaysia bakal mencapai status warga negara tua atau *aged nation* pada tahun 2030 apabila 15% daripada jumlah penduduk merupakan warga emas berdasarkan definisi warga emas iaitu 60 tahun dan ke atas. Pada tahun 2014, seramai 2.65 juta orang atau 8.8% daripada 30.10 juta orang adalah warga emas. Dalam konteks Negeri Sarawak, peratusan penduduk warga emas adalah antara yang tertinggi iaitu 9.5% berbanding negeri-negeri lain. Berdasarkan bancian penduduk oleh Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sarawak tahun 2014, Negeri Sarawak ini mencatatkan seramai 247,600 orang warga emas.

13. Sehubungan itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mengambil inisiatif mengkaji semula Dasar dan Pelan Tindakan Dasar Warga Tua Negara. Dari itu, Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) telah diperkenalkan bagi membangunkan potensi dan keupayaan yang ada pada golongan warga emas yang masih sihat dan bertenaga untuk menyumbang khidmat bakti dan kepakaran mereka kepada komuniti. Untuk tahun 2018, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan sebanyak RM333,330.00 kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak bagi pengoperasian PAWE seluruh Negeri Sarawak. Pada hari ini juga, saya telah meluluskan sebanyak RM80,000 khusus untuk penubuhan PAWE Pusa. Tahniah kepada semua penduduk Pusa!

14. Selain daripada kebajikan warga emas, Kerajaan melalui KPWKM juga terus membela dan memperjuangkan nasib OKU melalui pelbagai program di antaranya dengan penubuhan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK). Pada masa ini, sebanyak 52 buah PDK telah ditubuhkan di seluruh Negeri Sarawak. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM10,092,568.00 (Sepuluh Juta Sembilan Puluh Dua Ribu Lima Ratus Enam Puluh Lapan) kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak bagi pengoperasian 52 buah PDK ini yang telah memberi manfaat kepada seramai 2,689 OKU di Sarawak.

15. Adalah menjadi hasrat Kerajaan agar budaya masyarakat penyayang tidak tenggelam bersama arus pembangunan, sebaliknya bertindak sebagai satu indikator yang menjadi kebanggaan sesebuah negara maju dan bertamadun. Seterusnya, dapat mengelakkan daripada berlaku *sindrom empty nest* dikalangan warga emas. Bahkan, anak-anak muda ini akan dapat menimba ilmu dan pengalaman yang berguna hasil perkongsian para warga emas kita. In Shaa Allah.

## **MEMUPUK KESEDARAN AMALAN KEBAJIKAN**

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

16. Saya dimaklumkan bahawa, Kembara Kebajikan 1Malaysia Tahun 2018, telah dapat menarik lebih banyak pihak termasuk agensi Kerajaan, pihak korporat dan swasta, komuniti, pemimpin tempatan dan NGO yang telah bersama-sama memikul tanggungjawab sosial dan memberi perhatian khusus dalam meningkatkan kualiti hidup masyarakat. Selain itu, penglibatan Sukarelawan dari Universiti Awam dan Swasta dalam program Kembara menerusi *Volunteers To Institutions* (V2i) juga merupakan salah satu kaedah dalam pembelajaran yang sangat penting. Saya berharap, para mahasiswa dapat meneruskan kerja-kerja kebajikan dalam kehidupan mereka pada masa-masa yang akan datang.

## **PEMBANGUNAN PROFESION KERJA SOSIAL**

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

17. Kerajaan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serius dalam meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kebajikan yang profesional kepada rakyat. Saya dimaklumkan bahawa Kembara kali ini juga membawa mesej khusus dalam Kerja Sosial sempena **Sambutan Hari Kerja Sosial Sedunia** yang telah disambut pada **21 Mac 2018** dengan tema '*Promoting Community and Environmental Sustainability*'. Saya berharap dengan inisiatif pembangunan profesion kerja sosial dan kebajikan ini kelak akan melonjakkan kualiti penyampaian perkhidmatan kebajikan.

## **OUTCOME DAN MANFAAT KEPADA KUMPULAN SASAR MELALUI KEMBARA KEBAJIKAN 1MALAYSIA**

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

18. Menjadi harapan Kerajaan agar program ini memberi *outcome* yang positif dan bermanfaat kepada rakyat seperti:

- i. menggalakkan jumlah dan semangat kesukarelaan dalam masyarakat;
- ii. memperkasakan kumpulan sasar melalui kepelbagaian aktiviti dan pendekatan pendampingan sosial;
- iii. peningkatan penyertaan pelbagai agensi, sektor korporat dan NGO dalam program khidmat sosial kepada komuniti secara NBOS; dan
- iv. peningkatan kesedaran dan pengetahuan masyarakat terhadap pelbagai perkhidmatan kebajikan yang disediakan oleh pelbagai pihak iaitu Agensi Kerajaan, sektor korporat, swasta mahupun NGO.

## **SASARAN KEMBARA KEBAJIKAN**

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

19. Kembara Kebajikan 1Malaysia (KK1M) tahun 2018 telah menetapkan sasaran dalam semua aktiviti dan perkhidmatan yang dilaksanakan di peringkat negeri. Sasaran penglibatan keseluruhan komuniti bagi KK1M adalah seramai 10 ribu orang, mengambil kira pelbagai golongan masyarakat dan komuniti setempat. KK1M juga mensasarkan sejumlah 3500 kes bagi Program Cari & Bantu dengan penglibatan 1500 sukarelawan dalam memberikan khidmat kepada masyarakat, selain Sukarelawan *Home Help* yang mensasarkan khidmat kepada 8000 klien sepanjang bulan ini. Bagi menggalakkan syarikat korporat, agensi kerajaan dan persatuan terlibat secara langsung dalam KK1M, sasaran yang ditetapkan adalah sebanyak 12 syarikat dan terlibat dengan 30 program disusun bagi keseluruhan penjelajahan KK1M.

## **PENCAPAIAN KESELURUHAN KEMBARA KEBAJIKAN 1MALAYSIA**

20. Selepas pelancaran KK1M pada 2 Mac 2018 yang lalu, pergerakan KK1M telah bermula ke semua negeri di Semenanjung, Sabah dan Sarawak di beberapa lokasi *check point* yang telah dikenalpasti, dan telah mencatatkan pencapaian yang sangat membanggakan. Ini adalah berdasarkan kepada **penglibatan masyarakat dan komuniti setempat dalam KK1M yang telah mencecah hampir 30,000 orang berbanding sasaran awal seramai 10 ribu orang**, manakala sasaran bagi **Program Cari & Bantu** telah mencapai jumlah sebanyak **2800 kes sepanjang program dilaksanakan berbanding sasaran awal yang menetapkan 3500 kes untuk tempoh masa selama setahun**.

21. **Penglibatan sukarelawan dalam memberikan khidmat kepada komuniti setempat juga telah melebihi sasaran yang ditetapkan, dari 1500 jumlah khidmat sukarelawan kepada 2000 khidmat sukarelawan telah diberikan.** Bagi perkhidmatan *Home Help Services*, jumlah

perkhidmatan sukarelawan *Home Help* diambilkira mengikut jadual dan tugasan yang telah ditetapkan dan **pencapaian keseluruhan sepanjang bulan Mac 2018 adalah sebanyak 8194 lawatan petugas kepada setiap kes melalui perkhidmatan kepada warga emas berjumlah 6489 kes dan OKU sebanyak 1705 kes.**

22. Tidak ketinggalan juga, kerjasama dan kolaborasi yang telah ditunjukkan oleh pelbagai agensi kerajaan, syarikat korporat, persatuan, pertubuhan sukarela kebajikan, kelab dan pelbagai agensi luar yang telah melebihi **300 agensi terlibat dalam KK1M**. Ini menunjukkan suatu komitmen yang sangat baik dalam merealisasikan konsep "Kebajikan Tanggungjawab Bersama". Selain dari itu, catatan kerjasama dan **kolaborasi melalui rakan strategik utama iaitu Bahagian Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mencatatkan sejumlah perkhidmatan kes pergigian yang disantuni telah melebihi 2900 kes.**

23. Selari dengan Tahun Memperkasa Wanita 2018, KK1M telah mencatatkan peratusan yang sangat menggalakkan dari segi penglibatan keseluruhan kaum wanita dalam pelbagai aktiviti dan program di peringkat komuniti setempat di setiap negeri dan daerah, iaitu melebihi **70% daripada keseluruhan penglibatan komuniti setempat dalam program KK1M adalah terdiri daripada kaum wanita**. Ini merupakan pencapaian yang sangat membanggakan kita semua. Saya percaya bahawa kaum wanita boleh terus maju kehadapan sekiranya diberikan peluang dan galakan yang berterusan. Ayuh wanita !! kita bersama-sama membuktikannya.

## PENUTUP

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

24. Akhir kata sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada semua agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat terutamanya kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Agensi-agensi Kerajaan, agensi kerajaan negeri, badan berkanun, NGO, pemimpin-pemimpin masyarakat, sektor korporat dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Majlis Perasmian Penutup Kembara Kebajikan 1Malaysia Tahun 2018. Semoga matlamat utama Kembara ini sampai kepada masyarakat dan dapat direalisasikan demi untuk memenuhi aspirasi kerajaan dan mencapai matlamat **NEGARAKU** dan menepati tema Kembara pada tahun ini iaitu “**KOMUNITI PERKASA MASYARAKAT SEJAHTERA**”.

**DENGAN KATA-KATAINI,**

**SAYA DENGAN LAFAZ BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM MERASMIKAN  
MAJLIS PENUTUP KEMBARA KEBAJIKAN 1MALAYSIA TAHUN 2018.**

**WABILLAHI TAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM  
WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.**